

KPDNHEP SERBU STESEN MINYAK DI KOTA MARUDU TERBABIT AKTIVITI PENYELEWENGAN

10:05pm 29/05/2020 Junaidi Ladjana

KOTA MARUDU: Sebuah stesen minyak di sini, diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas didapati terbabit melakukan penyelewengan bahan bakar bersubsidi, awal pagi tadi.

Dalam serbuan jam 5.30 pagi itu, stesen minyak di daerah Kota Marudu itu didapati menjual bahan api petroleum bersubsidi kepada pembeli yang tidak mempunyai kebenaran dari Pengawal Bekalan.



Pegawai penguatkuasa KPDNHEP memeriksa tong berisi petrol yang dibeli tanpa sebarang surat kebenaran bertulis.-Gambar SNT/Ihsan KPDNHEP

Ketua Penguatkuasa KPDNHEP Kudat, Geoffrey Gumalang berkata serbuan dilakukan sepasukan pegawai dan anggota selepas menerima aduan berhubung aktiviti penyelewengan minyak petrol di stesen terbabit.

Katanya, risikan selama dua hari di stesen minyak berkenaan mendapati terdapat aktiviti mencurigakan membabitkan lori tiga tan yang penuh dengan drum berwarna biru kapasiti 200 liter.

“Selain itu, siasatan turut mendapati terdapat sebuah kereta pacuan empat roda turut membuat pengisian minyak petrol RON95 di stesen berkenaan.

“Siasatan mendapati tiada sebarang surat kebenaran bertulis kepada kedua-dua kenderaan itu dan pasukan serbuan terus menyita keseluruhan 3,321 liter bahan bakar bersama kedua-dua kenderaan berkenaan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.



Lori bersama tong berisi petrol dirampas selepas stesen minyak itu terbabit aktiviti penyelewengan di Kota Marudu.-Gambar SNT/Ihsan KPDNHEP

Geoffrey berkata nilai keseluruhan rampasan minyak petrol bersama-sama kenderaan berkenaan dianggarkan berjumlah RM104,883.74 berdasarkan harga pasaran semasa.

Katanya kes diambil mengikut Seksyen 21 dan Perkara 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 Akta Kawalan Bekalan 1961.

“KPDNHEP menahan dua lelaki tempatan berusia 31 dan 70 tahun bersama pengusaha stesen minyak untuk tindakan selanjutnya.

“Semua individu terbabit disiasat mengikut Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana melanggar syarat lesen iaitu menjual minyak petrol/diesel kepada orang yang tidak mempunyai kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan,” katanya.

Geoffrey berkata jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda sebanyak RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala hukuman ke atas syarikat adalah denda tidak melebihi RM3 juta.

“KPDNHEP Kudat akan meneruskan pemantauan dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu termasuk pengusaha stesen minyak yang terlibat dalam aktiviti penyelewengan berkaitan minyak petrol dan diesel.

“Orang ramai dan pengusaha stesen minyak diingatkan bahawa mana-mana pihak yang hendak membeli minyak petrol dan diesel bagi tujuan selain daripada mengisi minyak ke dalam kenderaan mereka perlu mendapatkan Permit Khas yang dikeluarkan oleh KPDNHEP,” katanya.

Geoffrey berkata, permohonan boleh dibuat menerusi <http://mysubsidi.kpdnhep.gov.my/permitkhas/> bagi kategori kegunaan persendirian, forklift, pertanian, pengusaha industri makanan, penempatan penduduk di kawasan pedalaman dan nelayan bukan sepenuh masa secara kecil-kecilan.

“Kuantiti maksimum yang dibenarkan dalam Permit Khas adalah sebanyak 200 liter sehari,” tegasnya. – SabahNewsToday

<https://www.sabahnewstoday.com/kpdnhep-serbu-stesen-minyak-di-kota-marudu-terbabit-aktiviti-penyelewengan/>

